

Panduan mudah

DISEMAK DAN DIUSAHKAN DENGAN KERJASAMA
NOOR MOHAMAD SERVICES AND TRAVEL



ISMAIL ALI
ismail@sph.com.sg
Editor Bersekutu



MOHD SAMAD AFANDIE
samad@sph.com.sg
Wartawan Visual

Penerangan pertama Singapura:	8 Jun	19 Zulkaedah
	14 Jun	25 Zulkaedah
	15 Jun	26 Zulkaedah
	17 Jun	28 Zulkaedah
	19 Jun	30 Zulkaedah
	24 Jun	5 Zulhijah

HAJI

Ia adalah rukun kelima dari rukun-rukun asas Islam. Allah swt berfirman dalam surah Al-Imran (ayat 97) yang bermaksud: Mengerjakan haji adalah kewajipan manusia terhadap Allah, iaitu bagi orang yang sanggup mengadakan perjalanan ke Baitullah.

SYARAT-SYARAT WAJIB MENERJAKAN HAJI

- Islam
- Berakal
- Berkemampuan
- Merdeka
- Baligh

HUKUM MENERJAKAN HAJI

- Wajib dilakukan sekali dalam seumur hidup ke atas tiap-tiap orang Islam yang telah cukup syarat
- Haji sunat dilakukan berulang-ulang.
- Wajib bagi orang yang bernazar menunaikan ibadah haji, walaupun dia telah melakukan haji sebelumnya.

PERBEZAAN ANTARA RUKUN DAN WAJIB HAJI

Rukun haji adalah perkara yang mesti dilakukan dalam ibadat haji. Ia tidak boleh digantikan dengan membayar dam (menyembelih kambing).

Wajib haji adalah perkara ibadat haji yang wajib dikerjakan tetapi sah haji tidak tergantung atasnya. Ia boleh digantikan dengan membayar dam sekitaranya sejaja ditinggalkan.

RUKUN HAJI ADA 6 PERKARA

- Berniat haji dan ihram
- Wuquf di padang Arafah
- Tawaf ifadah
- Sai
- Bercukur atau bergunting rambut kepala
- Tertib

PERKARA-PERKARA WAJIB HAJI

- Berniat ihram haji dari Miqat
- Bermalam di Muzdalifah
- Melontar Jamratul Aqabah di Mina pada 10 Zulhijah
- Bermalam di Mina selama tiga malam iaitu pada 11, 12 dan 13 Zulhijah
- Melontar ketiga-tiga Jamrah pada 11, 12 dan 13 Zulhijah
- Meninggalkan perkara-perkara yang dilarang semasa dalam ihram

Tidak batal haji sekiranya terlupa atau sengaja ditinggalkan perkara wajib haji. Tetapi jemaah dikenakan membayar dam (seekor kambing).

Sebagai menyambut musim haji akan datang – bermula dengan Muzakarah Haji pada 20 Mei – **BERITA HARIAN/BERITA MINGGU** akan menyajikan satu siri Laporan Khas bermula dengan ruangan Hidayah Jumaat lalu yang akan menyentuh pelbagai aspek

1 ► LALUAN PEKERJAAN HAJI

Susunan mengikut andaian jemaah berangkat dari tanah air tanggal **1 Zulhijah**

IFRAD

- Sunat: Tawaf qudum
- Rukun: Mengerjakan rai (boleh ditangguh selepas tawaf ifadah)
- Pakaian: Ihram

TAMATTUK

- Mengerjakan umrah (Tawaf, Sai umrah dan tahallul)
- Bebas ihram setelah selesai umrah

QIRAN

- Sunat: Tawaf qudum
- Rukun: Mengerjakan rai (boleh ditangguh selepas tawaf ifadah)
- Boleh berlakuk sekiranya ada kecemasan atau kezuruan
- Pakaian: Ihram

2 hingga 8 Zulhijah:

Sementara menunggu masa berangkat ke Arafah, jemaah bebas melakukan ibadat-ibadat sunat. Bagi jemaah haji ifrad dan qiran, mereka masih dalam ihram. Mereka tertakluk kepada semua pantang-larang berihram.

7 ZULHIJAH:

MINA (TARWIYAH), SEBAHAGIAN JEMAAH SINGAPURA AKAN MENETAP DI SHISHA

2 ► MINA



8 ZULHIJAH:

BERANGKAT KE ARAFAH

IFRAD

- Pakaian: Ihram
- Boleh singgah di Mina sebelum ke Arafah (mengikut sunnah Nabi)

TAMATTUK

- Mandi sunat ihram
- Berihram
- Solat sunat ihram
- Rukun: Berniat ihram haji
- Boleh singgah di Mina

QIRAN

- Pakaian: Ihram
- Boleh singgah di Mina sebelum ke Arafah (mengikut sunnah Nabi)

3 ► ARAFAH



9 ZULHIJAH:

WUQUF DI ARAFAH SESUDAH TERGELINCIR MATAHARI HINGGA TERBIT FAJAR 10 ZULHIJAH

- Rukun: Berada di Arafah dalam tempoh tersebut walaupun hanya sebentar.
- Batal haji: Jemaah yang tiba di Arafah selepas fajar 10 Zulhijah

4 ►


9 ZULHIJAH:

BERTOLAK KE MUZDALIFAH

Jemaah boleh meninggalkan Arafah selepas solat maghrib ke Muzdalifah.

Perjalanan Haji Jemaah S'pura

persiapan, panduan perjalanan dan berita terkini mengenai urusan haji setempat dan di Arab Saudi untuk dijadikan rujukan bagi bakal jemaah dan pembaca. Hari ini, kami akan menyajikan panduan mudah daripada A-Z mengenai ‘Perjalanan Haji Jemaah Singapura’ secara umum bermula daripada ketibaan mereka di Makkah hingga ke Hari Tasyrik terakhir 13 Zulhijah sebagai penamat ibadah haji. Kami juga melaporkan antara persiapan yang dilakukan kerajaan Arab Saudi bagi menyambut ketibaan sekitar 2.5 jemaah yang akan menunaikan haji tahun ini.



9 ► KEMBALI KE MAKKAH

11 HINGGA 13 ZULHIJAH:

MELONTAR KETIGA-TIGA JAMRAH DI MINA

Wajib:

Melontar ketiga-tiga jamrah (Ula, Wusta dan Aqabah) – setiap jamrah dengan tujuh biji batu. Ia boleh dilakukan selama dua hari (nafar awal) pada 11 dan 12 Zulhijah atau tiga hari (nafar thani) iaitu sehingga 13 Zulhijah.

Wajib bagi jemaah nafar awal

meninggalkan Mina sebelum maghrib pada 12 Zulhijah. Jika tidak, jemaah wajib bermalam di Mina selama satu malam dan melontar jamrah pada hari ketiga.

8 ► MINA

5 ► MUZDALIFAH

9 ZULHIJAH:

SINGGAH BAGI MEMUNGUT 70 BIJI BATU UNTUK KEGUNAAN MELONTAR JAMRAH DI MINA.

Jemaah boleh berada di Muzdalifah sehingga tengah malam

7 ►

6 ►

MINA: JAMRAH AQABAH

MAKKAH

10 ZULHIJAH: MELONTAR JAMRAH AQABAH DI MINA

10 ZULHIJAH: MELONTAR JAMRAH AQABAH DI MINA

IFRAD

TAMATTUK

QIRAN

IFRAD